

**Kajian Tahap Kekuatan Mental di Kalangan Atlet Karate**  
**Universiti Teknologi Malaysia**

Suhaila Saarani, Syahrul Ridhwan Morazuki  
Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak**

Kajian ini dijalankan untuk menguji dan membandingkan tahap kekuatan mental terhadap prestasi atlet karate-do Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Penilaian dan perbandingan tahap kekuatan mental atlet dibahagikan mengikut tahap pengalaman atlet berdasarkan penglibatan didalam sukan karate. Atlet terdiri daripada 8 orang iaitu 5 lelaki dan 3 perempuan serta mempunyai tahap pengalaman yang berbeza. Soal selidik kekuatan mental (MTQ48) digunakan dalam kajian ini. Dalam soal selidik ini, beberapa aspek psikologi seperti aspek keyakinan, keimbangan dan pengaruh emosi diuji terhadap atlet. Data mentah yang diperolehi diproses dengan menggunakan program Statistical Packages for Social Science (SPSS) versi 11.5. Hipotesis dalam kajian ini diuji menggunakan analisa statistik yang melibatkan Ujian-t.